



# MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

## KENYATAAN TAWARAN

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB** dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

### MENYIAPKAN PROJEK SAKIT BAGI TENDER KALI KEDUA CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN KEKAL GIATMARA MUKAH, LOT 5907 BLOCK 48, MUKAH LAND DISTRICT, MUKAH, SARAWAK

NO TENDER	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TAPAK	TEMPOH PENJUALAN TENDER	LPIPM	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
30/2019	13/06/2019 10.30 pagi Bilik Mesyuarat MARA Mukah Tingkat 1, Sublot 15C Lot 424, Block 68 Pusat Bandar Baru 96400 Mukah, Sarawak	14/06/2019 hingga 27/06/2019	Gred : G6 dan ke atas  Kategori : B Pengkhususan : B04	RM1,359.00	08/07/2019  (Sebelum 12.00 tengah hari)

\*Sila bawa cop syarikat semasa menghadiri taklimat tender

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah tempohnya** untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-
- Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) yang dikeluarkan oleh CIDB
  - Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB
  - Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
  - Sijil Kontraktor Penyiap yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR)
- Satu (1) salinan fotostat **Sijil-sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa hendak membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.
3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 1.00 ptg, 2.00 ptg - 4.30 ptg) di Pejabat **MARA Negeri Sarawak, Tingkat 2, Bangunan MARA (Bangunan MARA Plaza Astana), Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak**. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / CIDB** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **MARA** semasa menghadiri taklimat tender.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN**  
**TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,**  
**21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari.

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>